

MARA

MENGGANGKAT MARTABAT BANGSA

ANINAH JANANG



Ketika Malaysia meniti perjalanan menuju negara maju menjelang tahun 2020, pencapaian golongan bumiputera, khususnya dalam bidang ekonomi masih pada tahap rendah jika dibandingkan dengan kaum lain. Menurut statistik Unit Perancang Ekonomi (EPU), pendapatan kasar bulanan isi rumah purata mengikut etnik pada tahun 2012 menyaksikan bumiputera masih ketinggalan berbanding dengan Cina dan India, iaitu RM4457 (bumiputera), Cina (RM6366) dan India (RM5233).

LANDSKAP ini mewakili kawasan bandar dan luar bandar dengan RM5742 (bandar), manakala RM3080 (luar bandar). Yang membimbangkan jurang ekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera di bandar, khususnya di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, amat ketara. Inilah antara cabaran paling besar yang terpaksa dihadapi bumiputera khususnya orang Melayu. Berdasarkan statistik, orang Melayu masih jauh ketinggalan di belakang kaum lain dalam segala hak pemilikan dan perniagaan di ibu negara.

Sekitar 200 tahun dahulu, orang Melayu pernah memiliki hampir 100 peratus tanah di Kuala Lumpur, namun jumlah itu hampir lenyap apabila berkurangan menjadi hanya tinggal kira-kira 21.7 peratus. Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, hal tersebut berlaku akibat sikap orang Melayu sendiri yang menggadai dan menjual tanah kepada bangsa lain. Selain itu, katanya orang Melayu di Kuala Lumpur juga secara purata menerima gaji antara RM2000 hingga RM3000 sebulan yang akhirnya menyumbang kepada statistik atau peratusan golongan miskin bandar.

Hal tersebut belum mengambil kira soal pemilikan rumah di kawasan bandar yang menyaksikan orang Melayu jauh

ketinggalan berbanding dengan bangsa yang lain. Nilai harga rumah di kawasan bandar yang semakin meningkat, iaitu bermula dengan RM300 ribu sedangkan kemampuan untuk orang Melayu bandar hanya sekitar RM150 ribu sahaja. Oleh sebab hal itu, statistik individu yang memohon rumah sewa dan beli daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semakin meningkat dan berjumlah lebih 42 ribu orang pada tahun 2014, dengan 90 peratus daripada pemohon terdiri golongan Melayu.

Begitu pun, hal ini tidak bermaksud kaum bumiputera sewajarnya dilabel terbelakang dalam segala bidang secara total. Tidak dinafikan semakin banyak kaum bumiputera yang berdaya saing. Namun begitu, ketika mereka bangkit untuk bersaing, kaum yang lain juga tidak melepaskan peluang untuk terus maju ke hadapan. Maka bumiputera memerlukan anjakan dan sokongan untuk terus bergerak maju ke hadapan. Persaingan dalam dunia tanpa sempadan khususnya ekonomi menyaksikan kaum Melayu dan bumiputera masih belum dapat bersaing dengan kaum lain, khususnya kaum Cina.

Oleh itu, usaha memperkasakan agenda membangunkan dan memajukan kaum bumiputera tidak patut dipersoalkan



Saya menyokong semua program yang bakal dilaksanakan oleh MARA.

– Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak

kerana jurang perbezaan ekonomi antara kaum di negara ini masih jelas. Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan berada di barisan hadapan untuk menggalang tugas penting tersebut, iaitu melaksanakan segala bentuk perubahan demi memastikan nasib bumiputera terus terbelah. Yang paling kritikal, MARA terpaksa berhadapan dengan cabaran baharu menangani masalah kemiskinan bumiputera di bandar.

"Percayalah saya menyokong semua program yang bakal dilaksanakan oleh MARA," ujar Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, ketika berucap merasmikan Menara MARA, Kuala Lumpur, pada 3 Mac 2014.

Menurut beliau, MARA memainkan peranan yang cukup penting dalam membangunkan ekonomi dan keusahawanan bumiputera dengan lebih empat juta orang bumiputera menerima bantuan MARA. Oleh itu, peranan MARA akan terus digembeng demi memastikan golongan bumiputera mampu bersama-sama memacu kemajuan negara menjelang tahun 2020.

Tiada sesiapa menduga hasil daripada resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama, di Kuala Lumpur, pada tahun 1965, MARA berjaya ditubuhkan pada 1 Mac 1966. Kongres tersebut mendasak agar ekonomi Melayu diperkukuh. Meskipun tugas dan tanggungjawab tersebut sebelumnya terletak di "bahu" Lembaga Kemajuan Luar Bandar (*Rural and Industrial Development Authority*) atau lebih dikenali sebagai RIDA, kongres tersebut mendapati bahawa keberkesanan RIDA masih terbatas. Maka timbul desakan untuk mengkaji semula peranan dan tanggungjawab RIDA.

Lantaran itu, Kongres Ekonomi Bumiputera bertindak menyokong cadangan kerajaan pusat untuk memperbaiki dan memperkukuh RIDA dengan cara menyuntik modal dan memperkemas pentadbirannya lagi. Serentak dengan itu, kongres mencadangkan nama RIDA digantikan dengan nama baharu, iaitu MARA. Semangat RIDA diterapkan dalam MARA dengan lebih memberikan fokus kepada membantu meningkatkan taraf sosioekonomi bumiputera.

Kelahiran MARA seiring dengan pelancaran Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970). Apabila Dasar Ekonomi Baharu (DEB) digubal selepas tragedi 13 Mei 1969. Pada ketika itu, MARA menjadi antara agensi yang diberikan tanggungjawab secara terus untuk mencapai matlamat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menstrukturkan semula masyarakat berlandaskan objektif yang jelas untuk



Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1965 mengubah RIDA menjadi MARA.


menggalakkan, membimbing, melatih, dan membantu bumiputera. Tun Abdul Ghafar Baba menjadi pengerusi MARA yang pertama (1 September 1967 hingga 31 Oktober 1971). Beliau juga pengasas Kolej MARA (1972), Institut Kemahiran MARA, Yayasan Pelajaran MARA dan ITM yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Sejak awal penubuhannya, tidak disangkal lagi bahawa peranan MARA cukup besar apabila agensi tersebut menjadi tulang belakang membangunkan usahawan, mengembangkan peluang pendidikan, dan meningkatkan ekuiti bumiputera dalam pelbagai bentuk pelaburan yang dilaksanakan. MARA tidak pernah gagal bagi memperkasakan dan memberikan laluan kepada bumiputera untuk berjaya.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, peranan MARA amat besar. Ketika itu, MARA dipertanggungjawabkan untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan, serta membangunkan ekonomi dan masyarakat dalam persekutuan dan kawasan luar bandar.

Dari dahulu hingga sekarang, MARA tidak pernah gagal memperkasakan bumiputera dan setelah hampir mencecah usia emas, 50 tahun, MARA masih kekal memahat tanggungjawabnya untuk mengangkat martabat orang Melayu dan bumiputera untuk terus bersaing dalam pelbagai bidang ekonomi dan pendidikan, sekali gus menerajui sebuah negara maju.

Menyedari landskap ekonomi dan politik yang semakin mencabar, pelan Strategik MARA (2006 – 2015) dinilai semula



Rajah Kerangka transformasi strategik MARA 2011-2020.

dan perubahannya diterjemahkan semula melalui Kerangka Transformasi Strategik MARA 2011 – 2020 dengan menerapkan pendekatan baharu, iaitu perubahan anjakan ke arah organisasi berasaskan keusahawanan (*entrepreneurial based organization*).

Objektif yang ingin dicapai termasuklah membangunkan usahawan berjaya dan inovatif; melahirkan modal insan global dan berintegriti; menyumbang kepada pemilikan ekuiti; dan memudahkan sistem penyampaian.

KEJAYAAN DAN SUMBANGAN MARA

Kejayaan dan sumbangan MARA sejak ditubuhkan pada tahun 1966, terutama dalam pembangunan ekonomi dan sosial bumiputera tidak dapat dipertikaikan. Bermula dengan RIDA seterusnya MARA, institusi tersebut sememangnya memberikan inspirasi serta merealisasikan impian negara, khususnya dalam tiga sektor utama, iaitu keusahawanan, pendidikan dan pelaburan.

1 KEUSAHAWANAN

MARA mewujudkan Bahagian Pembangunan Usahawan yang bertanggungjawab membangunkan usahawan global yang berdaya maju, berdaya tahan, dan berdaya saing selaras dengan matlamat program keusahawanan MARA.

Strategi yang diketengahkan termasuklah melaksanakan latihan keusahawanan ke arah melahirkan usahawan global; membangunkan usahawan tekno dalam bidang berteknologi tinggi melalui kerjasama rakan strategik; menyediakan kemudahan khidmat nasihat pemiagaan bagi mengukuh dan meningkatkan keupayaan usahawan dan pemiagaan serta memenuhi keperluan Piawaian Global; menyediakan program pemasaran bersepadu bagi menembusi

pasaran global; dan mewujudkan jaringan strategik bagi pembangunan keusahawanan holistik.

Sementara itu, Bahagian Pembangunan Industri dan Infrastruktur bertanggungjawab membangunkan peluang pemiagaan terutamanya dalam bidang peruncitan dan pemborongan; mentransformasikan lepasan pelatih atau pekerja teknikal menjadi usahawan; membangunkan industri makanan dan bukan makanan melalui penyediaan kemudahan dan insentif pengeluaran dan perkilangan; membangunkan industri sistem bangunan berindustri (IBS) dalam sistem pembinaan terbuka bagi mencapai pelan hala tuju IBS Nasional.

MARA turut menyediakan kemudahan pembiayaan pemiagaan untuk membantu usahawan bumiputera memulakan pemiagaan atau menambah modal bagi meningkatkan pemiagaan. Pembiayaan dilaksanakan mengikut konsep Islam dan bebas daripada riba. MARA juga menyediakan kemudahan pembiayaan pemiagaan ke arah menambah bilangan pemiagaan dalam bidang perdagangan, dan perindustrian yang bersaiz kecil dan sederhana.

Yang paling penting MARA menyediakan program latihan keusahawanan yang berterusan untuk membolehkan usahawan bumiputera memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ch

keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. Program di bawah latihan keusahawanan meliputi kursus, latihan, seminar, bengkel bagi input pendedahan, pengetahuan, dan kemahiran tahap pembedayaan keusahawanan, pewujudan usahawan serta peningkatan dan pengukuhan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan dan dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Pada hakikatnya, MARA melaksanakan kursus untuk pewujudan usahawan bermula sejak tahun 1976, antaranya, latihan pembentukan usahawan (LPU) yang bertujuan untuk melahirkan usahawan yang mempunyai wawasan dan berkualiti serta bijak bagi mencari peluang perniagaan yang berdaya maju. Sasaran peserta termasuklah bumiputera yang berminat menceburkan diri dalam perniagaan; berusia antara 18 hingga 60 tahun; dan berkelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Latihan dan bimbingan yang disediakan adalah untuk mewujudkan usahawan baharu dalam kalangan bumiputera serta meningkatkan keupayaan usahawan sedia ada selari dengan matlamat masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB).

MARA juga mewujudkan Program Usahawan Teknikal (PU TEK) yang mula dilaksanakan pada tahun 1996, iaitu tahun pertama dalam RMK-7. Pelaksanaannya berteraskan hasrat MARA dan kerajaan untuk melahirkan lebih banyak usahawan teknikal bumiputera di seluruh negara. Melalui program ini, usahawan baharu



MARA banyak memberikan peluang usahawan bumiputera berdaya saing dalam bidang perniagaan.

yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan khususnya bagi perniagaan yang berasaskan kemahiran yang dimiliki mereka akan dibantu melalui satu pakej kemudahan, sokongan dan bantuan galakan. PUTEK juga mewujudkan usahawan baharu dalam bidang teknikal, iaitu yang berasaskan kemahiran yang dimiliki. Kumpulan usahawan ini akan dibantu untuk membina tapak perniagaan masing-masing untuk satu tempoh tertentu hingga mereka mampu untuk berdiri dan menguruskannya sendiri.

Strategi yang diketengahkan menyasarkan lepasan pelatih institusi teknikal MARA, seperti Institut Kemahiran MARA (IKM), GiatMARA, Infotech MARA, dan Pusat Sumber Teknologi Perabot (FITEC); Lepasn pelatih institusi teknikal awam dan swasta seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), dan Penyelesaian Pembelajaran Bersepadu (ILSAS), dan siswazah dalam bidang

teknikal. Keutamaan bidang perniagaan diberikan terhadap perniagaan yang berasaskan bidang teknikal seperti elektrik dan elektronik, automotif, jahitan pakaian, kimpalan dan fabrik logam, motosikal, mekanikal, teknologi aluminium, kek dan pastri, serta komputer dan teknologi komunikasi.

Kejayaan MARA membantu, membangunkan dan membentuk cita rasa serta budaya perniagaan serta perindustrian dalam kalangan bumiputera bertepatan dengan nama dan matlamat penubuhannya. MARA menjadi tonggak orang Melayu untuk terus berusaha mencapai matlamat pelbagai dasar kerajaan yang digubal dan dipinda. Kejayaan MARA membimbing golongan bumiputera agar bangkit untuk bersaing demi mencapai matlamat untuk mengimbangi pemilihan ekonomi negara menjadi bukti ketegasan agensi itu dalam membantu bumiputera menjadi "nadi" yang menggerakkan kemajuan negara.



Latihan keusahawanan oleh MARA memastikan generasi muda lebih berdaya saing.

2 PENDIDIKAN

MARA bukan sahaja menawarkan biasiswa bagi yang layak, tetapi turut menubuhkan beberapa institut pendidikannya sendiri termasuklah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang diwujudkan bagi pelajar bumiputera yang berumur antara 13 tahun hingga 17 tahun yang mempunyai keputusan peperiksaan awam yang cemerlang. Sementara itu, Kolej MARA (KM) turut diwujudkan bagi menyediakan laluan khusus kepada pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran ke peringkat prauniversiti; Kolej Profesional MARA (KPM) khusus untuk pengajian diploma dan *high national diploma* (HND); GiatMARA; Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMT); Institut Kemahiran MARA (IKM); German-Malaysian Institute (GMI); Universiti Kuala Lumpur (UniKL); Kolej Poly-Tech MARA (KPTM); Universiti Teknologi MARA (UiTM), atau dahulunya Institut Teknologi MARA (ITM) yang akhirnya diambil alih oleh Kementerian Pendidikan dan kemudian Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

MARA turut menubuhkan Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) yang merupakan satu bahagian di sektor pendidikan

MARA yang bertanggungjawab mengawal, merancang dan menyelia aktiviti yang dijalankan di KPM, KM, UniKL, KPTM dan GMI. Di samping itu, BPT juga memainkan peranan untuk menajayakan matlamatnya seiring dengan matlamat MARA, iaitu melaksanakan tanggungjawab ke arah peningkatan pendidikan profesional dan separa profesional dalam bidang perakaunan, perdagangan, dan pengurusan perniagaan serta kejuruteraan teknologi melalui ke peringkat prauniversiti; Kolej Profesional MARA (KPM) khusus untuk pengajian diploma dan *high national diploma* (HND); GiatMARA; Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMT); Institut Kemahiran MARA (IKM); German-Malaysian Institute (GMI); Universiti Kuala Lumpur (UniKL); Kolej Poly-Tech MARA (KPTM); Universiti Teknologi MARA (UiTM), atau dahulunya Institut Teknologi MARA (ITM) yang akhirnya diambil alih oleh Kementerian Pendidikan dan kemudian Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Sementara itu, Bahagian Pendidikan Menengah turut diwujudkan dengan matlamat mewujudkan K-Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) untuk generasi keenam ilmu inovasi. Menerapkan nilai saintifik, bebas, kreatif, amanah dan patriotik. Selain itu, bahagian tersebut juga berperanan penting dalam merancang, melaksanakan,

memantau, dan menilai pencapaian aktiviti pendidikan menengah di MRSM sebagai "tapak samaian" yang kukuh dan mantap untuk meneruskan pembangunan insan bumiputera ke arah mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera generasi kedua.

MARA juga bertanggungjawab membina watak pelajar lepasan MRSM sebagai pelajar yang mempunyai jati diri, pemikiran strategik, kreatif dengan kekuatan daya tahan, daya saing, dan daya juang berlandaskan nilai murni sebagai asas kepada budaya keusahawanan. Bahagian Pendidikan Menengah juga bertanggungjawab merancang, melaksanakan, memantau dan menilai pencapaian aktiviti pembangunan kurikulum asas dan terbitan bagi MRSM untuk menjamin piawai kualiti pendidikan menengah memenuhi aspirasi Kerajaan Malaysia sebagai hak kecemerlangan pendidikan di Malaysia. Selain itu, bahagian tersebut bertanggungjawab merancang, melaksanakan, memantau dan menilai keberkesanan aktiviti kokurikulum (asas dan terbitan) dengan tujuan membina modal insan yang cergas dari segi mental



MARA menubuhkan pejabat di luar negara bagi melancarkan urusan pelajar tajaan.



Lebih banyak graduan berkualiti dihasilkan bagi memenuhi keperluan modal insan dalam pasaran pekerjaan.

dan fizikal bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Bahagian Pendidikan Menengah juga ditubuhkan untuk merancang, melaksanakan, dan memilih pelajar bumiputera yang berpencapaian sederhana, berpendapatan rendah, berpotensi, berbakat, dan berminat untuk meneruskan pengajian menengah di MRSM bagi memenuhi syarat kemasukan ke institut pengajian tinggi (IPT); merancang, melaksanakan, memantau dan menilai keberkesanan aktiviti pembangunan sahsiah pelajar dalam bidang strategik dengan tujuan membantu pelajar yang mempunyai sahsiah terpuji; merancang, melaksanakan, memantau dan menilai keberkesanan aktiviti keusahawanan bagi memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar pada peringkat awal; merancang, memantau dan menilai kemudahan dan khidmat pengurusan pendidikan bagi memperkasakan sistem pendidikan di MRSM berdasarkan piawai kualiti pendidikan MARA; merancang, melaksanakan, memantau dan menilai pencapaian pembangunan profesion perguruan di MRSM supaya guru MRSM mencapai tahap profesionalisme yang cemerlang dan merancang, melaksanakan dan memantau penyelidikan di MRSM bagi memperkemas dan mengantarabangsakan sistem MRSM.

Sementara itu, Bahagian Penganjuran Pelajaran (BPP) pula memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan meliputi usahawan yang boleh menajankan kekayaan, melahirkan tenaga kerja kompeten, dan pelajar bumiputera cemerlang. Bagi mencapai matlamat ini, BPP menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran pada pelbagai peringkat pengajian bagi memenuhi keperluan pelbagai sektor pekerjaan.

Tumpuan utama diberikan kepada bidang pengajian yang merangkumi bidang keberhasilan pendapatan tinggi dan menumpukan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), iaitu minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, perkhidmatan kewangan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, elektrik dan elektronik, pemborongan dan peruncitan, pendidikan, penjagaan kesihatan, komunikasi dan infrastruktur, pertanian, dan *greater* Kuala Lumpur.

BPP turut memfokuskan untuk melahirkan lebih banyak graduan bertaraf doktor falsafah dan profesional ke arah negara berpendapatan tinggi dan mempunyai minda kelas pertama demi mencapai matlamat pembangunan modal insan berteraskan kepada perkembangan bakat keperluan negara. Untuk menjaga kebajikan pelajar tajaan MARA di luar negara, BPP memiliki lapan cawangan pejabat MARA di luar negara, iaitu di Amerika Syarikat, England, Jerman,

Ireland, Australia, Indonesia, Mesir dan Rusia.

Skim Pinjaman Pelajaran (SPIP) juga disediakan khusus untuk pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM tahun sebelumnya. Antara program Persediaan yang ditawarkan termasuklah ADFP, A-Level, International Baccalaureate (IB), Australia Matriculation (AUSMAT), dan banyak lagi. Pelajar yang layak perlu mengikuti program persediaan yang akan dijalankan di dalam negara serta mencapai keputusan akademik cemerlang sebelum ke luar negara. Pelajar yang layak akan ditawarkan pinjaman meliputi yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun buku, elaun perkakas, elaun kertas projek dan elaun tesis. MARA juga menyediakan program pascasiswazah dalam dan luar negara. Permohonan terbuka kepada pelajar lepasan ijazah pertama untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, profesional, dan doktor falsafah di dalam dan luar negara.

Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) yang ditempatkan di bawah Sektor Pendidikan MARA cukup memberikan impak kepada pelajar. Latihan kemahiran MARA bermula di Institut Kemahiran MARA Jasin, Melaka, pada tahun 1968. Sehingga kini, BKT mengendalikan 10 buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) dan 13 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh negara.

Dengan perkembangan teknologi semasa serta keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir, maka pelbagai bidang dan program ditawarkan bagi memastikan latihan kemahiran MARA yang kini dikenali sebagai Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV), dapat mengisi dan menyumbang keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri dan negara.

BKT juga berfungsi untuk membangunkan dan melaksanakan Program Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang berkualiti serta diiktiraf ke arah menyediakan kerjaya berpendapatan tinggi; menambah bilangan penglibatan bumiputera dalam pelbagai bidang teknikal dalam industri; menyediakan kemudahan latihan dan infrastruktur yang

selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa; meningkatkan kompetensi pengajar bagi memenuhi keperluan i-pengajar; dan melahirkan usahawan teknologi yang berpotensi, yang berdaya saing dan berdaya tahan, serta menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

Pada 15 Januari 2014, MARA mengumumkan untuk membangunkan Taman Pendidikan Perniagaan (EDUBIZPARK) menerusi kerjasama dengan Kolej Babson di Amerika Syarikat, yang merupakan institusi pengajian tinggi tersohor dalam bidang keusahawanan. Sebagai permulaan, taman pendidikan itu dibangunkan di Bukit Jalil, Subang, dan Senawang. Konsep taman teknologi itu menyepadukan program pendidikan

dengan keusahawanan untuk memberikan peluang kepada pelajar mendapatkan pendidikan, pada masa yang sama, mendedahkan pelajar dengan budaya, peluang dan pengalaman keusahawanan.

Dalam era globalisasi ini peranan MARA bukan lagi sekadar mewujudkan peniaga bumiputera, tetapi membangunkan peniaga bumiputera yang berilmu bagi membolehkan mereka bersaing dengan berkesan, bukan sahaja di negara ini malah di persada antarabangsa. Semua pihak perlu sedar bahawa zaman memberikan sokongan berterusan sudah berlalu, peniaga bumiputera perlu dilengkapkan budaya dan ilmu keusahawanan kerana modal tanpa ilmu tidak akan membawa mereka melangkah lebih jauh.

3 PELABURAN



Bangunan MARA yang baharu menjadi mercu tanda kejayaan dan kemampuannya memajukan anak bumiputera.

Bahagian Kenderaan (BKN) ditubuhkan pada tahun 1960 di bawah Lembaga Kemajuan Kampung dan Industri yang dikenali sebagai RIDA. Tujuan penubuhan BKN adalah untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan kepada penduduk di luar bandar terutamanya bagi peneroka FELDA dan seterusnya membantu bumiputera melibatkan diri dalam industri pengangkutan. Pada ketika itu, BKN dikenali sebagai Bahagian

Kenderaan RIDA dan perkhidmatan pengangkutan yang dijalankan oleh bahagian ini dikenali sebagai Bas RIDA.

Apabila RIDA dibubarkan dan digantikan dengan MARA dengan rasminya pada 1 Mac 1966, maka BKN diletakkan di bawah pentadbiran MARA yang dikenali sebagai Bahagian Kenderaan MARA. Sejarah dengan itu juga, Bas RIDA ditukar menjadi Bas MARA yang kemudiannya kenali sebagai

Kenderaan Bas MARA. Objektif BKN termasuklah memastikan perjalanan bas 100 peratus mengikut jadual perjalanan yang ditetapkan; membangunkan sumber manusia dengan mengikuti kursus atau latihan sekurang-kurangnya dua tahun sekali; dan memastikan bas diselenggarakan mengikut jumlah kilometer perjalanan yang ditetapkan.

Pada 24 September 2005, penjenamaan semula Projek Kenderaan Bas MARA

(KBM) dengan nama baharu, iaitu MARA Limer dilancarkan di Kota Tinggi, Johor. Projek ini dibahagikan kepada dua buah pentadbiran, iaitu Wilayah Utara di Merong, Kedah, dan Wilayah Tengah di Bahagian Kenderaan MARA.

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik ditubuhkan secara rasminya pada 29 Januari 1997. Bersetujuan dengan Kerangka Transformasi MARA, bahagian ini dijenamakan semula pada tahun

2012 daripada Bahagian Perancangan Korporat (BPK) kepada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) sejajar dengan pertambahan skop tugas dan peranan yang lebih luas dan signifikan.

BDPS bertanggungjawab merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar dan perancangan strategik MARA selari dengan hala tuju transformasi kerajaan di bawah Falsafah 1Malaysia: Rakyat Didahulukan,

Pencapaian Diutamakan; Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang meliputi Model Baharu Ekonomi (NEM), Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (IPLB) dan RMK-10. BDPS juga menyelaraskan permohonan Belanjawan Pembangunan MARA dan dana lain daripada agensi pusat serta memantau prestasi fizikal dan perbelanjaan projek atau program pembangunan MARA secara keseluruhan.



MEMPERKASAKAN EKONOMI BUMIPUTERA DAN NEGARA

Malaysia negara berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang budaya, berbilang agama, dan merupakan negara yang unik dan segi struktur masyarakat. Inilah hikmah sebuah negara majmuk yang menjadi kekuatan, bukannya kelemahan. Walaupun akhir-akhir ini, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) menjadi pemangkin kepada apa-apa yang kita dapat lihat, perkara kecil menjadi besar, perkara besar boleh tiada dan pelbagai lagi, saya masih menganggap perkara tersebut sebagai suatu nikmat dan rahmat

HARI ini, rakyat Malaysia mampu hidup dalam satu perkampungan yang sama dan tidak ada orang yang boleh menafikan bahawa kita hidup dalam sebuah kampung yang bersatu dan dalam sistem cakerawala, iaitu galaksi yang dipanggil matahari. Dalam galaksi matahari ini ada beberapa planet. Dalam bumi kita tinggal ini ada benua Asia, dalam Asia kita tinggal ini berada di Asia Tenggara, dan di Asia Tenggara wujud negara yang dikenali sebagai Malaysia. Yang saya maksudkan, di mana-mana pun kita berada, kita tinggal dalam persekitaran global yang sama. Matahari tetap satu. Matahari Presiden Amerika Syarikat (AS) Barack Obama, sama seperti matahari yang ada di negara ini. Maksudnya, kita duduk dalam masyarakat global.

Kita perlu mengetahui di manakah kita bermula dan di manakah kita berada? Orang muda perlu diingatkan sentiasa sedar di manakah kita berada dan ke manakah kita pergi? Kita perlu mengetahui asal usul kita. Oleh itu, kita perlu mempelajari dan memahami sejarah. Semua orang mempelajari sejarah. Baru-baru ini, saya menerangkan masyarakat tentang sistem moden dan demokrasi. Pihak yang mendengarnya berasa pelik, bagaimanakah saya mengetahui semua perkara tersebut? Saya terangkan kepada mereka bahawa sistem pendidikan di negara ini menghubungkan kita dengan apa-apa yang berlaku di dunia. Oleh itu, kita mengetahui bukan sahaja apa-apa yang berlaku di negara ini malah kita turut mengetahui apa-apa yang berlaku di Barat.

Seperti mana gahnya Menara MARA, setinggi 30 tingkat di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, yang menjadi lambang kejayaan institusi tersebut dalam usaha mengangkat martabat bumiputera agar berupaya bersaing dengan kaum lain, MARA membuktikan tanggungjawabnya dengan begitu hebat sekali. MARA tidak pernah jemu untuk memastikan tidak ada bumiputera yang dikesialikan

daripada mendapat manfaat yang disediakan oleh MARA. Bumiputera yang layak diberikan laluan yang mudah untuk mengubah nasib bangsa. Bumiputera yang layak bukan sahaja diberikan pendayung untuk memastikan sampan mereka mampu melawan arus yang kini semakin deras, tetapi pada masa yang sama MARA semampu mungkin memastikan laluan yang dilalui tidak di badai tsunami. Yang

penting, dayung mesti digerakkan. Usaha mesti dilipatgandakan.

"Saya hendak tegaskan sekali bahawa agenda memperkasakan bumiputera merupakan agenda nasional yang akan berterusan. Inilah semangat hasi Kongres Nasional Pembangunan Ekonomi Bumiputera 1965 yang masih menyalu dalam hati saya serta seluruh kepimpinan yang ada," ucap Dato' Sri Mohd. Najib yang juga jani seorang Perdana Menteri. ■

Siapakah yang mencipta enjin wap? Siapakah yang mencipta kapal terbang? Siapakah yang bertanggungjawab mencipta lampu? Kita mengetahui segala-galanya kerana sistem kita berhubung dengan dunia yang lain.

Jika kita meneliti sejarah pemodenan Malaysia, sekarang orang Melayu sudah pun berjaya. Ketika kita lihat sejarah Melaka dahulu, sejarah Melayu Melaka, sejarah 1400 tahun yang lalu, kita sudah memiliki kekayaan. Kita sudah ada empayar, tetapi mengapakah keagungan itu terhenti?

Hanya satu perkataan yang menyebabkan keagungan dan ketamadunan tersebut musnah, iaitu kerana kita berpecah! Kerana kita semua memiliki perasaan hasad dengki yang akhirnya menumbangkan kerajaan baharu Melaka, dan timbulnya dalang. Akhirnya kita dijajah. Pada tahun 1854, orang Melayu berpecah lagi mengakibatkan British menjajah Malaya. Tidak cukup dengan itu, pada tahun 1949, negara dijajah oleh Siam khususnya di Kedah, Kelantan, dan Perlis. Tidak hairanlah apabila kita berkunjung ke negeri tersebut banyak orang Siam. Pada tahun 1941, kita dijajah pula oleh Jepun.

Jika menonton filem *Sarjan Hassan*, arahan Tan Sri P. Ramlee, jelas bahawa filem tersebut menceritakan cara Jepun memerintah Malaya. Saya ada kisah benar, pada tahun 1942, ketika Malaya dijajah oleh Komunis, banyak orang Melayu yang kena pancung, ada yang hilang termasuklah ayah kepada bapa mentua saya hilang tanpa dapat dikesan. Selepas itu, pada tahun 1945, British menjajah kita dan memperkenalkan Malayan Union. Sejarah ini penting untuk anak muda ketahui. Kita akan dijajah seterusnya dan sampai bila-bila. Pada ketika itu, Dato' Onn Jaafar memanggil orang Melayu, badan bukan kerajaan (NGO) Melayu untuk berhimpun dan menubuhkan satu gerakan untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air, mempertahankan negara ini daripada dijajah. Maka lahirlah *United Malay National Organization* atau UMNO.

Pada tahun 1946, apabila Dato' Onn menjadi Presiden UMNO, beliau mendesak British membantu orang Melayu yang miskin. Akhirnya akibat desakan tersebut, pada tahun 1950, British bersetuju menubuhkan satu agensi, iaitu *Rural Industrial Development Authority* atau RIDA. Pada tahun 1953, di pejabat saya ada senarai pengerusi MARA yang pertama hingga kini, termasuklah Tan Sri Ahmad Musa Pengerusi MARA yang ke-30.

Penubuhan RIDA ketika itu memberikan tumpuan kepada empat perkara, iaitu membangunkan kawasan luar bandar, jalan kampung, kemudahan bekalan elektrik, dan bekalan air. Pada 1 Mac 1966, RIDA diubahsuai menjadi Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tumpuan MARA adalah untuk pembangunan modal insan atau pembangunan insan. Itulah fungsi MARA dari dahulu hingga kini. Pada 1 Mac lalu, genaplah usia MARA yang ke-49 tahun. Dalam usia ini, MARA masih unggul, bergerak ke hadapan sebagai institut amanah yang lengkap dengan program pemerkasaan untuk bumiputera.

Saya ingin mengimbas kembali apa-apa yang pernah kita lalui agar kira tidak "sesat" dan tidak melakukan kesalahan yang berulang-ulang. Tun Abdul Ghafar Baba yang dilantik menjadi Pengerusi MARA yang pertama (1967-1971). Oleh sebab beliau terpaksa berulang alik ke Kuala Lumpur untuk menjalankan tugas sebagai Pengerusi MARA dan pada masa yang sama menjadi Ketua Menteri Melaka, maka selepas enam bulan kemudian beliau mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri dan memegang satu jawatan sahaja, iaitu Pengerusi MARA. Menurut Tun Ghafar, adalah lebih penting menjadi Pengerusi MARA untuk membolehkannya membantu orang Melayu di seluruh negara, sedangkan sebagai Ketua Menteri Melaka beliau hanya dapat membantu segelintir rakyat di negeri itu sahaja.

Inilah perjuangan dan pengorbanan yang perlu difahami anak muda. Maksudnya orang dahulu sanggup berkorban untuk kepentingan bangsa. Kita tengok pemikiran mereka, ternyata mereka lebih sayang akan bangsa daripada jawatan. Tun Ghafar ketika berucap di bangunan MARA suatu ketika dahulu, "Sebarang bantuan akan sentiasa mendapat perhatian daripada kami." Hal ini bermakna, bumiputera yang memerlukan bantuan akan diberikan perhatian dan inilah yang dikatakan sebagai modal insan. Kita bukan setakat mengeluarkan lebih empat juta orang penerima bantuan MARA.

Kini MARA mengubah banyak pendekatan untuk memastikan bumiputera mampu berdaya saing. Kita tidak mahu pelajar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) menyambung pelajaran ke peringkat seterusnya, tetapi apabila kembali ke tanah air, mereka tidak boleh bekerja.



Orang muda perlu diingatkan sentiasa sedar di manakah kita berada dan ke manakah kita pergi? Kita perlu mengetahui asal usul kita.

- Datuk Ibrahim Ahmad

MARA menekankan bahawa anak MARA yang menyambung pelajaran perlu mengetahui apa-apa yang perlu dilakukan oleh mereka. Balik ke tanah air dengan keputusan yang cemerlang dan merancang dengan teliti apa-apa yang hendak dilakukan mereka. Misalnya, graduan dalam bidang perubatan harus mempunyai perancangan yang bijak, iaitu bekerja dalam tempoh waktu yang tertentu untuk menjadi doktor pakar, kemudian MARA menyarankan mereka membuka klinik atau hospital dengan kemahiran tersebut. Maka mereka mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain. Inilah yang dimahukan MARA. Oleh sebab itu, menerusi GiatMARA, kita memberikan galakan sebegini supaya suatu hari nanti mereka boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Inilah ciri modal insan sebuah negara maju yang seperti Jepun, Amerika Syarikat, Sweden, dan negara maju yang lain.

MARA juga mempunyai visi untuk menjadi agensi amanah yang unggul dan diberikati. Banyak orang sekarang tidak dapat membezakan perkara halal dan haram atau kegiatan halal dan haram kerana sudah kehilangan keberkatan. Oleh itu, kita nampak seseorang itu hidup mewah, tetapi tidak bernilai kerana tidak mempunyai keberkatan. Kita perlu ingat bahawa suatu hari nanti, kita bukan duduk di sini buat selama-lamanya. Kita akan mati. Setiap saat, kita akan menghampiri kubur.

Satu perkara lagi tentang MARA, kita mempunyai strategi berteraskan inovasi. Paksinya menjurus kepada transformasi perkongsian nilai dalam MARA, iaitu amanah rakyat. Majlis itu maknanya *council* yang bermaksud syura, iaitu berunding, berdialog, dan amanah yang merupakan sifat Nabi Muhammad SAW. Rakyat ialah manusia. Warga MARA sering diingatkan termasuk anak MARA bahawa pemimpin MARA perlu memberikan fokus kepada rakyat.

Proses transformasi MARA sejak tahun 2010 dan tahun 2011 hingga kini banyak menjurus kepada bidang yang ditekankan oleh MARA, iaitu keusahawanan, pendidikan, pelaburan dan pengurusan. Keempat-empat bidang ini diseragamkan. Misalnya, kita mengeluarkan usahawan korporat, tekno usahawan, dan peruncitan, serta MARA juga memfokuskan makanan halal.

Lihat pencapaian usahawan kita sekarang sememangnya amat membanggakan. Begitu juga dengan sektor pendidikan, kita mempunyai dua fokus, iaitu meningkatkan jumlah pelajar serta mempunyai 49 buah MRSM.

Semua pihak perlu sedar bahawa MARA tidak bergantung pada kerajaan semata-mata. Oleh sebab itu, MARA menubuhkan sektor pelaburan. Begitu juga dengan sektor pengurusan. Pengurusan yang baik perlu mempunyai nilai yang tinggi.

Pemerkasaan bumiputera dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 2013. Fokus utama adalah untuk melahirkan modal insan. Dahulu anak yang cemerlang dan belajar ke luar negara perlu mencapai keputusan 10 A, kini kita tidak melihat kecemerlangan 100 peratus. Kita mengambil kira peribadi anak, jika "perangai" bagus, mereka yang memperoleh lapan A juga diberikan peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara. Yang kedua, dari segi keusahawanan. Banyak generasi muda kini tidak mahu pulang ke Malaysia dan "makan gaji". Kita maklumkan kepada mereka bahawa "mereka perlu menjadi yang insan berjaya" bukannya "mahu menjadi jurutera sahaja". Mereka boleh menjadi jurutera, kemudiannya menubuhkan syarikat sendiri. Begitu juga bagi graduan kedokteran, mereka kembali ke tanah air perlu ada misi untuk membuka klinik dan peguam harus buka firma sendiri. Untuk mencapai sasaran tersebut, MARA menyediakan RM1 bilion untuk melaksanakan program penajaan. Dari segi pendidikan, kita juga menggubal pendidikan MARA yang baharu dengan fokus pendidikan MARA, iaitu "pengetahuan, teknologi dan nilai".

Dari segi keusahawanan, pelajar yang tamat pengajian boleh memohon pinjaman dengan MARA. Misalnya, graduan yang mengambil jurusan matematik yang amat terhad pasaran kerjanya di negara ini akan dibantu oleh MARA untuk mengembangkan ilmu mereka. MARA juga mempunyai beberapa program transformasi, khusus untuk masyarakat luar bandar. Tumpuan MARA lebih kepada bidang usahawan, pendidikan, dan pengurusan.

Selain itu, MARA mewujudkan kerjasama dengan pelajar dari Universiti ASEAN, universiti, kolej, dan pelajar dari Subang. Usaha ini bagi menambahkan modal insan yang lebih berdaya saing. MARA juga amat berbangga apabila kerajaan bersetuju menubuhkan syarikat induk, jika dahulu dikenali sebagai MARA Holding sekarang dikenali sebagai MARACORPORATION (MARCORP). Inilah yang cuba dilakukan oleh MARA dalam agenda pemerkasaan bumiputera.

Diessuikan daripada ucapan Datuk Ibrahim Ahmad dalam Wacana Fikrah Umamah Ke-2/2015, di Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 23 Februari 2015.